

Belum ada keputusan laksana semula PPSMI

Cadangan ditangguh jika ada bantahan orang ramai: PM

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan belum membuat sebarang keputusan berhubung pelaksanaan semula dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah.

Perdana Menteri yang juga pemangku Menteri Pendidikan, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata satu jawatankuasa Kabinet sudah dibentuk untuk meneliti pelaksanaan semula PPSMI memandangkan ada tentangan daripada orang ramai berhubung cadangan itu.

“Saya dapati ada disiar bahawa kerajaan dah tentukan Sains dan

Matematik diajar dalam bahasa Inggeris. Sebenarnya, kita belum buat keputusan.

“Saya hanya beri penerangan sahaja kepada pegawai dalam kementerian, tetapi entah macam mana terbocor dan dilaporkan seolah-olah kerajaan putuskan perkara ini.

“Kerajaan masih menimbang. Kita buat keputusan mengikut majoriti anggota Kabinet, sekiranya ada tentangan kita akan tangguhkan,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan amanat kepada warga Kementerian Pendidikan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Mohd Ghazali Abas.

Ditanya bagaimana untuk meyakinkan masyarakat Melayu dan persatuan seperti Persekutuan

Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) terhadap kepentingan pelaksanaan PPSMI, Dr Mahathir berkata, walaupun boleh menggunakan bahasa sendiri, ilmu Sains tidak dapat dikuasai sepenuhnya kerana ia bukan sesuatu yang statik seperti mata pelajaran Sejarah dan Geografi.

Katanya, Sains adalah ilmu yang tidak berhenti berkembang dan sekiranya tidak mengikut apa yang diperkenalkan ketika ini, negara akan ketinggalan.

“Hari ini ada industri pun bergantung kepada yang lain. Seperti kita tahu pada mulanya kita buat kerja tangan, *manual work*. Selepas itu kita belajar nak gunakan *mass production* (pembuatan secara besar-besaran), cara mekanikal, selepas itu kita gunakan robot.

“Dan sekarang ini kita memasuki era digital. Ia tidak berhenti. Pelajaran lama tidak boleh diguna



Kerajaan masih menimbang. Kita buat keputusan mengikut majoriti anggota Kabinet, sekiranya ada tentangan kita akan tangguhkan.

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

pada masa ini,” katanya.

Beliau juga berharap supaya semua sekolah vernakular juga menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik.

Dr Mahathir berkata, sekiranya dilaksanakan, kerajaan akan memperkenalkan cara baharu dalam PPSMI.

“Pengajaran akan disediakan oleh pakar sama ada di luar atau dalam negara menerusi pemacu kilat (thumbdrive) dan ditayangkan di dalam bilik darjah mengikut subjek,” katanya

Beliau juga berkata, pihaknya mengalu-alukan cadangan daripada pihak awam berhubung isu PPSMI dan memberi jaminan tidak menyekat pendapat mereka.

Terdahulu, dalam amanatnya Dr Mahathir menegaskan kejayaan dan kemajuan sebagai satu bangsa bukan ditentukan oleh bahasa kebangsaan sahaja.

“Saya Melayu. Saya sayang kepada bangsa dan bahasa Melayu. Tetapi, kita perlu beri pertimbangan kepada kemajuan bangsa.

“Sebenarnya, jika sayang kepada bangsa, utamakan kejayaan sebagai satu bangsa dan kemajuannya lebih dari hanya kegunaan bahasa sendiri sahaja.

“Fikirlah baik-baik. Pepatah berkata ‘sayang anak, tangan-tangankan, sayang isteri, tinggalkan.’ Sayang bangsa, utamakan kejayaan bersaing lebih daripada hanya bertutur dalam bahasa sendiri,” katanya.

BH - 7/2/2020 ml: 2



BH TV